

10/05/1997

Pusat Giat Mara perkenal kursus IT

Rudy Sham Ab Raof

PUSAT Giat Mara memperkenalkan kursus Teknologi Maklumat (IT) dengan merombak semula kurikulum elektronik, mulai awal tahun ini sebagai menyahut seruan kerajaan memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Ketua Eksekutifnya, Hashim Ahmad, berkata antara rombakan yang dijalankan dalam kurikulum elektronik ialah memasukkan modul membaiki komputer dan peralatan multimedia.

Menurutnya, setakat ini hanya 20 pelajar ditawarkan mengikuti kursus berkenaan selama setahun di Pusat Giat Mara Kuala Lumpur dan mungkin jumlah itu akan ditambah tahun depan.

Beliau berkata, tujuan utama kursus itu diperkenalkan ialah untuk menyahut saranan kerajaan yang mahukan masyarakat mempunyai pengetahuan secara lebih mendalam dalam bidang IT.

"Kita memperkenalkan kursus ini memandangkan semakin ramai masyarakat menggunakan komputer di rumah, sedangkan tidak ramai yang tahu membaiki alat berkenaan.

"Sebab itu kita mengubah suai kurikulum elektronik supaya pelajar dapat mempelajari selok-belok IT dan mereka dapat membantu kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berteknologi," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di pejabatnya, di Kuala Lumpur, semalam.

Hashim berkata, sebelum ini beberapa pemimpin tertinggi negara, terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta masyarakat mempelajari IT bagi melaksanakan MSC.

"Kata-kata Dr Mahathir memberi perangsang kepada Pusat Giat Mara untuk memperkenalkan kursus IT dalam usaha menjanakan pemikiran belia di negara ini ke arah pelaksanaan MSC.

"Masyarakat perlu tahu bahawa pengwujudan MSC adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan perlu diterima dalam menghadapi zaman teknologi moden. Saya rasa pengwujudan kursus ini di Pusat Giat Mara amat bersesuaian dengan saranan kerajaan," katanya.

Menurutnya, Pusat Giat Mara bukan sahaja melahirkan tenaga mahir dalam bidang elektronik, kimpalan dan pembinaan, malah meliputi semua bidang termasuk IT.

"Kita juga perlu bersaing dengan pusat latihan di negara ini supaya Pusat Giat Mara terus mendapat perhatian dan mampu melahirkan generasi moden di alaf baru," katanya.

Menurut Hashim, Malaysia semakin menuju ke zaman teknologi dan semua pihak perlu berganding bahu untuk membantu negara mencapai tahap gemilangnya.

(END)